

Memorandum

Kepada

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba
Menteri Kesihatan Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

**SERAPKAN PEKERJA PEMBERSIHAN DAN
PENGAWAL KESELAMATAN.
HAPUSKAN SISTEM KONTRAK DI
PREMIS HOSPITAL!
JAMINAN KERJA HAK SEMUA!**

3 Disember 2020

Oleh:



Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan (JPKK)

TUNTUTAN PEKERJA KONTRAK DI HOSPITAL

- 1. SERAP PEKERJA KONTRAK DI HOSPITAL – PEKERJA PEMBERSIHAN, PENGAWAL KESELAMATAN DAN PEKEBUN SEBAGAI PEKERJA TETAP.**
- 2. IKTIRAF PEKERJA-PEKERJA KONTRAK INI SEBAGAI FRONTLINER**
- 3. HAPUSKAN BUDAYA KRONI DAN ORANG TENGAH**
- 4. KURANGKAN PEMBAZIRAN DAN CEKAPKAN PENTADBIRAN**

PENGENALAN

Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan (JPKK) ditubuhkan pada tahun 2016 untuk mempertahankan hak pekerja-pekerja kontrak di premis Kerajaan. Pekerja-pekerja kontrak di premis sekolah seperti pengawal keselamatan, pekerja pembersihan dan pekebun mengalami pelbagai masalah akibat sistem kontrak yang diamalkan oleh Kerajaan.

Sejak 2016, JPKK dan Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia menyalurkan banyak aduan mengenai eksploitasi kontraktor – Edgenta UEMS, UEM Edgenta dan Edgenta Mediserve terhadap pekerja kontrak di Hospital seperti penukaran kontraktor dan kontraktor baru menyebabkan pekerja sentiasa tinggal sebagai pekerja baru.

Kontraktor baru tidak iktiraf Kesatuan Sekerja, pemangsaan terhadap Kesatuan, faedah-faedah lain seperti cuti tahunan, cuti sakit dan lain-lain dikurangkan. Ini adalah antara isu-isu yang berlaku kepada pekerja-pekerja pembersihan di Hospital. Manakala pengawal keselamatan pula mengalami masalah lambat bayar gaji, membuat potongan yang tidak wajar dalam gaji pekerja, kiraan gaji lebih masa ditipu, tidak mencarum KWSP, PERKESO dan Sistem Insuran Pekerjaan (SIP).

Masalah yang paling besar adalah pekerja-pekerja kontrak ini hilang jaminan kerja akibat sistem kontrak ini. Apabila setiap dua atau tiga tahun sekali kontraktor bertukar, pekerja turut hilang tempoh perkhidmatan mereka dan menjadi pekerja baru, malah ada juga pekerja yang hilang kerja.

PERJUMPAAN DENGAN KEMENTERIAN KESIHATAN

Berikutan Dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia, pekerja-pekerja kontrak ini membawa isu mereka kepada mantan Menteri Kesihatan, YB Dr. Zulkefly Ahmad di bawah Kerajaan Pakatan Harapan pada Disember 2019.

Selepas Kerajaan Pakatan Harapan jatuh, pada 27 Julai 2020, kami telah berjumpa dengan Setiausaha Sulit YB Menteri, En. Syukri bin Ibrahim dan membincangkan segala masalah yang dihadapi oleh Kesatuan pekerja pembersihan di Hospital. Tetapi setelah satu bulan, kami menerima surat dari Pejabat Menteri Kesihatan bahawa semua isu yang diutarakan oleh pekerja pembersihan adalah perkara yang harus dibawah kepada Kementerian Sumber Manusia dan tidak berkaitan dengan Kementerian Kesihatan walaupun semua pekerja ini bekerja di Hospital. Kami amat tidak puashati dengan maklumbalas tersebut. Malah ini menunjukkan bahawa masalah pekerja kontrak di hospital dipindahkan dari Menteri Kesihatan ke Menteri Sumber Manusia pula.

Baru-baru ini, pada 7 September 2020 kami turut menulis kepada YB Menteri Kesihatan untuk mendapat satu temujanji bagi menyerahkan hasil kajian yang kami telah lakukan mengenai impak sistem kontrak sebelum dasar penswastaan 1996 dan perbandingan dengan sekarang. Sejurus dengan surat kami, Setiausaha Sulit YB Menteri, En. Syukri Ibrahim memanggil kami dan mendengar apa kandungan kajian tersebut dan beritahu akan bincang dengan YB Menteri dan memberi maklumbalas kepada kami. Tetapi sehingga hari ini, tiada sebarang berita. Maka masalah pekerja kontrak ini terus berterusan.

PEKERJA FRONTLINER INI DIANAKTIRIKAN

Sekarang satu dunia berada dalam pendamik kerana isu Covid-19. Kerajaan kita pula pada permulaan PKP telah memberi pengikrafan kepada doktor-doktor dan para jururawat di Hospital bahawa mereka adalah wira negara yang sedang melawan dengan virus ini untuk menyelamatkan nyawa rakyat. Mereka adalah frontliners dan menawarkan elaun khas RM600 kepada mereka dalam pakej stimulus pendamik. Selepas itu, baru-baru ini dalam bajet 2021 juga ada peruntukan untuk elaun khas kepada mereka.

Kami tidak nafikan perkara ini. Tetapi di hospital yang sama, pekerja-pekerja kontrak seperti pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan juga turut menjadi pekerja frontliners yang sedang berdepan dengan coronavirus tetapi mereka tidak diiktiraf oleh Kerajaan. Kerajaan mengamalkan diskriminasi terhadap golongan ini. Tambahan, semalam dalam satu kenyataan akhbar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) Mohd Redzuan Md Yusof

menyatakan bahawa pembersih hospital tidak akan diberikan sekali bayaran atau “one-off” sebanyak RM300 (<https://www.malaysiakini.com/news/553331>). Ini menunjukkan Kerajaan tidak menghargai pekerja kontrak B40 ini yang menjadi frontliners di Hospital.

Pekerja pembersihan mengatakan bahawa sebelum dan selepas Doktor atau Jururawat merawat pesakit, pekerja pembersihanlah yang kena membersihkan tempat tersebut dan bagaimana pula mereka tidak diiktiraf sebagai frontliner apdahala risiko ayng dihadapi oleh mereka sama dengan Doktor dan Jururawat. Ini adalah diskriminasi dan tidak akan berlaku andaikata mereka adalah pekerja tetap dibawah Kementerian.

TUNTUTAN PEKERJA KONTRAK

1. Serap pekerja kontrak sebagai pekerja tetap

Sebelum pertengahan 1990an, semua pekerja pembersihan, pekebun dan Pengawal keselamatan di Hospital adalah pekerja kerajaan yang mempunyai jaminan kerja. Namun sejak dasar pengswastaan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke 4 – Tun Dr. Mahatir pada tahun 1996, sistem ini telah ditukar kepada sistem kontrak yang telah menghancurkan jaminan kerja. Kerja yang dilakukan oleh pekerja-pekerja ini adalah kerja tetap dan bukan kerja sementara ataupun bermusim. Ini juga bercanggah dengan undang-undang buruh antarabangsa - ILO (https://www.ilo.org/global/topics/non-standard-employment/WCMS_534826/lang--en/index.htm) dimana kerja kontrak hanya diberi kepada kerja yang bersifat sementara atau bermusim. Maka, Sistem kontrak ini harus dimansuhkan dan kembalikan kerja tetap yang pernah wujud sebelum pertengahan tahun 1990an.

2. Iktiraf pekerja-pekerja kontrak ini sebagai frontliner

Pekerja-pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan di Hospital juga pekerja frontliner. Kerajaan tidak iktiraf mereka sebegitu kerana sistem kontrak, dimana perkhidmatan ini telah disumberluarkan. Mereka harus dikembalikan sebagai pekerja tetap di Hospital dan mengiktiraf mereka sebagai frontliner dan memberi faedah-faedah khas frontliner kepada mereka.

3. Hapuskan budaya kroni dan orang tengah

Sistem kontrak ini dimulakan semasa zaman pemerintahan Mahathir dan tujuan utamanya adalah untuk menjaga kroni-kroni mereka dalam politik. Sistem ini membenarkan orang tengah yang tiada kaitan dengan kerja dan tempat kerja untuk mengawal dan mentadbir pekerja. Orang tengah ataupun kontraktor-kontraktor ini melanggar undang-undang pekerjaan dan sering memangsakan pekerja. Walaupun mempunyai banyak aduan terhadap kontraktor-kontraktor ini, tetapi mereka masih secara terus memperolehi kontrak dari Kerajaan.

3. Kurangkan pembaziran, cekapkan pentadbiran

Sistem kontrak yang dilaksanakan akibat polisi penswastaaan pada tahun 1990an, hasratnya adalah untuk mengurangkan kos dan meningkatkan kecekapan dalam pentadbiran. Tetapi dalam 20 tahun ini, realitinya adalah kontraktor-kontraktor swasta yang pentadbirannya yang mewujudkan banyak masalah pekerjaan kepada pekerja turut meningkatkan kos pentadbiran di pejabat-pejabat kerajaan lain seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK) ataupun Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP). Maka, penghapusan sistem kontrak akan mengurangkan pembaziran Kerajaan serta akan cekapkan pentadbiran.

KESIMPULAN

Di seluruh negara mempunyai lebih kurang 160 Hospital Kerajaan dan anggaran jumlah pekerja kontraknya adalah lebih kurang 100 000. Kesemua pekerja kontrak ini adalah pekerja yang berada di kategori B40. Kehidupan mereka terancam akibat sistem kontrak ini. Jika Kerajaan benar-benar ingin menghapuskan kemiskinan rakyat, maka pemansuhan sistem kontrak adalah satu langkah yang bermakna dan mampu mengeluarkan pekerja dari kemiskinan.

Maka, JPKK amat berharap pihak KKM akan membincangkan cadangan kami di peringkat kabinet dan membawa perubahan polisi untuk menjadikan pekerja-pekerja ini sebagai pekerja tetap di Hospital.

Hapuskan Sistem Kontrak
Jaminan Kerja Hak Semua